

**LEKSIKON BERUNSURKAN SOSIOBUDAYA DALAM MANUSKRIP *HIKAYAT*  
*AHMAD MUHAMMAD***

**Riduan Makhtar**

[riduan@kuis.edu.my](mailto:riduan@kuis.edu.my)

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

**Nurfarhana Shahira Rosly**

[nfarhanashahirarosly@gmail.com](mailto:nfarhanashahirarosly@gmail.com)

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

**ABSTRAK**

Leksikon berunsurkan sosiobudaya dalam manuskrip Melayu Tradisional dilihat bukan sahaja menjadi cerminan kekayaan leksikon Melayu sejak dahulu, tetapi memperlihatkan keadaan masyarakat yang sangat kaya dengan keilmuan berunsurkan kehidupan. Antaranya ilmu kesusasteraan, penulisan, teknologi, kebudayaan, kesenian dan lain-lain. Kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis leksikon berunsurkan sosiobudaya dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad* berdasarkan Teori Sociolinguistik (Holmes, 2013) serta merumuskan perkaitan antara leksikon berunsurkan sosiobudaya dengan latar sosial dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad*. Kajian ini menggunakan manuskrip abad ke-19, iaitu manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad* sebagai bahan kajian. Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 2013) telah dijadikan mandala kajian dan Teori Sociolinguistik (Holmes, 2013) bertindak sebagai teori kajian. Selain itu, kajian juga menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks sebagai kaedah kajian. Dapatan kajian memperlihatkan terdapat 37 leksikon berunsurkan sosiobudaya yang sesuai diangkat menjadi data kajian. Terdapat 8 leksikon yang masih belum berada dalam senarai rujukan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), 6 leksikon yang belum tersenarai dalam Glosari Perpustakaan Negara Malaysia dan 15 leksikon yang tidak terkandung dalam Kamus Jawi-Melayu-Inggeris Wilkinson. Hasil kajian menjelaskan bahawa terjalin hubungan yang kukuh antara leksikon berunsurkan sosiobudaya dengan keadaan latar kehidupan sesebuah masyarakat. Malah, leksikon yang masih belum terdapat dalam senarai rujukan utama juga boleh dipertimbangkan untuk turut sama disenaraikan sebagai langkah memperkaya bilangan leksikon Melayu. Usaha pelbagai pihak turut diperlukan bagi menelusuri dan meneliti leksikon Melayu dalam manuskrip agar dapat mengesahkan semula keagungan bahasa Melayu yang pernah mekar suatu ketika dahulu.

**Kata kunci:** *Leksikon, sosiobudaya, manuskrip, sociolinguistik, Melayu.*

## PENGENALAN

Leksikon berunsur sosiobudaya dalam manuskrip Melayu bukan sahaja dapat dipertalikan dengan keadaan sosiobudaya sesebuah masyarakat, malah memberi impak terhadap penggunaan bahasa sesebuah masyarakat, menjadi landasan pembelajaran baharu serta dapat menjadi bukti keagungan leksikon Melayu. Kita digalakkan memperbaharui pemahaman terhadap istilah “manuskrip Melayu” serta berusaha membentuk kaedah kajian manuskrip Melayu yang tersendiri supaya tidak ada manuskrip yang terabai dan proses interpretasinya tidak berada di atas fundamental yang mengelirukan (Amer Hudhaifah Hamzah, 2017). Harun Mat Piah (2016) mengatakan teks sastera termasuk manuskrip Melayu menyimpan khazanah ilmu yang tinggi tetapi masih terdapat ratusan manuskrip Melayu termasuklah yang diluar negara masih belum diselidiki sedalamnya sehingga tidak dapat memberi manfaat kepada masyarakat kini. Selain itu, masalah mengenai leksikon Melayu telah banyak diutarakan. Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid (2014) menjelaskan sangat malang bahasa Melayu ketika ini dianggap bahasa rojak dan tidak mempunyai identiti tersendiri yang selaras dengan budayanya. Penerapan sistem kebahasaan dan leksikon yang betul dan sesuai dalam bidang sains dan teknologi diperlukan walaupun tidak dapat mengelak meminjam daripada bahasa lain. Selain itu, Awang Sariyan (?) juga mengatakan leksikon mudah terjebak dengan fahaman melulu dan kita seharusnya memfokuskan kepada leksikon bahasa Melayu yang sudah wujud atau melakukan perubahan menggunakan sistem morfologi bahasa Melayu. Permasalahan juga wujud apabila masih lagi terdapat manuskrip Melayu yang belum dibedah termasuklah aspek kebudayaan yang terkandung di dalamnya, termasuklah kurangnya pendedahan mengenai perkaitan aspek leksikon dan kebudayaan masyarakat. Hal ini selaras dengan pernyataan Rais Yatim (2017), orang Melayu kini sudah hilang budaya dan warisannya termasuklah kehilangan bahasanya.

Kajian berkenaan manuskrip Melayu telah dilaksanakan oleh ramai sarjana tempatan dan Barat. Antara kajian yang melibatkan aspek leksikon dalam manuskrip Melayu ialah kajian yang dijalankan oleh Abdul Razak Ab. Karim (1994; 1996), Mahayudin Hj. Yahya (1996), Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Helwana Mohammad (2007), Nurhayati Rahman (2008), Hasrina Baharum (2009), Ahmat Adam (2010), Shaharir Mohammad Zain (2012), Asmak Hj. Ali *et. al* (2013) dan lain-lain.

Objektif kajian ini ialah untuk:

- i- Mengkategorikan leksikon berunsur sosiobudaya dalam manuskrip Melayu tradisional berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988).
- ii- Menganalisis leksikon berunsur sosiobudaya menggunakan Teori Sociolinguistik (Holmes, 2013)

Kajian berbentuk kualitatif dengan penerapan kaedah analisis kandungan teks dan kepustakaan ini memfokuskan kepada leksikon berunsur sosiobudaya menerusi manuskrip Melayu tradisional. Selanjutnya, kajian hanya dibataskan kepada *Hikayat Ahmad Muhammad* yang merupakan manuskrip abad ke-19, iaitu ketika era penguasaan pihak kolonial Barat (Siti Fathimah Abdul Halim, 2014). Pada halaman terakhir manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad* telah tertera tarikh

18 April 1967M bersamaan 13 Zulhijjah 1287H. Teks ini mengetengahkan mengenai amanat keteguhan ikatan tali persaudataan serta aspek-aspek berteraskan akidah Islam. Selain itu, kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) dan Teori Sociolinguistik (Holmes, 2013). Kajian dimulakan dengan mengkategorikan leksikon berunsur sosiobudaya dalam teks manuskrip berdasarkan Model Lima Kumpulan Budaya (Newmark, 1988), iaitu i- Ekologi, ii- Bahan Budaya dan Artifak, iii- Budaya Sosial, iv- Organisasi, Adat, Aktiviti dan Konsep serta v-Gerak Laku dan Tabiat. Setelah pengkategorian dilakukan, kajian akan diteruskan dengan mengaitkan leksikon tersebut dengan Teori Sociolinguistik (Holmes, 2013) yang merangkumi prinsip i- Gaya, Konteks dan Laras, ii- Fungsi Ucapan, Kesantunan dan Komunikasi Silang-budaya, iii- Bahasa, Kognisi dan Budaya, iv- Jantina, Kesantunan dan Steriotaip serta v- Sikap dan Aplikasi.

## DAPATAN KAJIAN

Ekologi berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988)

**Jadual 1: Leksikon berunsur Ekologi berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad***

Bil	Leksikon	Hlmn.	Petikan Teks & Maksud
1.	Esti ايسطي	268	<p><i>'Ya kekandaku itu, kerana ku kira sudah dibanting esti itu dan hamba mencari pada kekandaku ke sana-sini dan serta aku hampir mati di Pulau Majadhi itu'.</i></p> <p><b>Pusat Rujukan Persuratan Melayu@DBP</b>                      - Tiada dalam senarai</p> <p><b>Glosari Perpustakaan Negara Malaysia</b>                      - Gajah</p> <p><b>Kamus Jawi-Melayu-Inggeris (A Classic Jawi-Malay-English Dictionary)</b>                      - Tiada dalam senarai</p>

*Esti* merupakan antara leksikon berunsur ekologi berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) yang terkandung dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad*. Leksikon *esti* dapat dikaitkan dengan Aspek Bahasa Seksis menerusi Prinsip Jantina. Kesantunan dan Steriotaip (Teori Sociolinguistik Holmes, 2013). Holmes (2001) mengatakan bahawa bahasa seksis merangkumi cara dan penggunaan bahasa bagi menjelaskan perlambangan berkenaan sikap negatif dan positif dalam kalangan kaum wanita dan lelaki. Menerusi teks seperti dalam jadual di atas, pengarang dilihat menggunakan leksikon dan ayat yang menonjolkan aura dan nilai yang positif. *Esti* dan ayat yang sebelumnya dalam teks manuskrip di atas membawa bersama nilai yang positif menerusi watak yang ditampilkan, iaitu Muhammad dan Ahmad. Muhammad sangat

menyayangi dan menghormai saudarannya, begitu juga Ahmad. Pengarang menerapkan leksikon yang berunsurkan kasih sayang bagi membuktikan tiada halangan untuk berkasih sayang walaupun mempunyai jantina yang sama. Malah, penggunaan leksikon dan ayat yang indah, teratur dan bersifat aras tinggi menggambarkan tahap kemahiran dan pengetahuan pengarang yang bernilai sekaligus institusi diraja diletakkan pada satu tahap yang istimewa.

Bahan budaya dan artifak berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988)

**Jadual 2: Leksikon berunsur Bahan Budaya dan Artifak berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad***

Bil	Leksikon	Hlmn.	Petikan Teks & Maksud
1.	Puadai 'فو دي'	265	<p>... lalu dibawa dengan Tuan Puteri itu didudukkan di atas puadainya.</p> <p><b>Pusat Rujukan Persuratan Melayu@DBP</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sejenis hampan daripada kain (tikar dan lain-lain) yang dijadikan tempat berjalan atau tempat duduk orang-orang besar, termasuklah ketika pengantin sedang bersanding dan lain-lain.</li> </ul> <p><b>Glosari Perpustakaan Negara Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sejenis hampan daripada kain, tikar (dan lain-lain) yang dijadikan tempat berjalan atau tempat duduk orang-orang besar, termasuklah ketika pengantin ketika bersanding dan lain-lain</li> </ul> <p><b>Kamus Jawi-Melayu-Inggeris (A Classic Jawi-Malay-English Dictionary)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cloth laid down at a burial or wedding for the procession or guests to pass over</li> <li>- Kain yang ditetapkan untuk digunakan di kawasan perkuburan atau majlis perkahwinan bagi perarakan atau melintasi tetamu</li> </ul>

Seterusnya, kupasan dilakukan dengan mengaitkan data yang terlibat, iaitu leksikon berunsurkan sosiobudaya dengan prinsip yang terdapat dalam Teori Sociolinguistik (Holmes, 2013). Leksikon yang berkaitan ialah leksikon *puadai*, seperti yang telah dijelaskan maksudnya dalam jadual di atas. Prinsip yang dapat diselaraskan dengan leksikon *puadai* ialah Prinsip Gaya, Konteks dan Laras, iaitu menerusi Aspek Laras (Teori Sociolinguistik Holmes, 2013). Aspek ini mempamerkan tahap kepakaran seseorang terhadap elemen tertentu sehingga mengaplikasikannya secara terus dalam proses komunikasi (Holmes, 2001). Menerusi potongan teks manuskrip seperti yang dilampirkan di atas, dapat dilihat bahawa pengarang menggunakan leksikon *puadai* dalam

teks bagi mencerminkan unsur kebudayaan dalam kalangan masyarakat. Menerusi data di atas, *puadai* dihadirkan secara bersama dalam barisan ayat dengan unsur bersifat diraja. Unsur yang bersifat diraja tersebut ialah menerusi “*Tuan Puteri*” yang sangat sinonim sebagai kata panggilan bagi anak perempuan kepada pasangan Raja dan Permaisuri. Kemahiran dan kepakaran yang ditonjolkan oleh pengarang memperlihatkan bahawa pengarang mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap alatan kebudayaan diraja sehingga dapat menghuraikan dan menyesuaikan dengan baik dan teratur.

Malah, leksikon yang dijelaskan di atas turut dapat dikaitkan dengan Aspek Pembinaan Jantina menerusi Prinsip Jantina, Kesantunan dan Steriotaip (Teori Sociolinguistik Holmes, 2013). Holmes (2001) menjelaskan aspek ini secara kebiasaannya meletakkan jantina sebagai satu “pemberian” yang tidak boleh diubah. Menerusi leksikon *puadai*, pengarang meletakkan martabat wanita berketurunan diraja di satu tahap yang tinggi berikutan penerapan leksikon *didudukkan* dengan *puadai*. Kata kerja *didudukkan* melambangkan penghormatan terhadap golongan diraja, *puadai* pula merupakan antara peralatan kebudayaan terpenting kepada Raja dan pembesar. Maka, gabungan ini dilihat sebagai sebuah gabungan yang selaras dan setara.

Budaya sosial berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988)

**Jadual 3: Leksikon berunsur Budaya Sosial berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad***

Bil	Leksikon	Hlmn.	Petikan Teks & Maksud
1.	Sudip سورن	324	<p><i>Seraya ditangkis dengan tamannya itu lalu dipotongnya dengan Raja Kusdur, ia terkenal disudipnya itu lalu jatuh ke tanah.</i></p> <p><b>Pusat Rujukan Persuratan Melayu@DBP</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- i- Alat yang dibuat daripada bilah atau kayu bagi mencedok atau menyenduk nasi dan lain-lain.</li> <li>- ii- Bekang sejenis lembing yang bermata lebar</li> <li>- iii- Ikan laut, <i>Chirocentrus dorab</i></li> </ul> <p><b>Glosari Perpustakaan Negara Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sejenis lembing mata lebar</li> </ul> <p><b>Kamus Jawi-Melayu-Inggeris (A Classic Jawi-Malay-English Dictionary)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- A large wooden ladle for stirring up rice</li> <li>- Senduk kayu yang besar untuk menggaul nasi</li> </ul>

Seterusnya, kupasan dilakukan terhadap leksikon berunsur budaya sosial dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad*. Antara leksikannya ialah *sudip*. Menerusi jadual di atas, *sudip* menurut PRPM ialah peralatan daripada kayu yang digunakan untuk menggembur atau mencedok

nasi serta sejenis lembing bermata lebar. Manakala, *sudip* menurut glosari PNM ialah sejenis lembing bermata lebar dan menurut Kamus Jawi-Melayu-Inggeris Wilkinson ialah senduk kayu yang besar untuk menggaul nasi. Namun, *sudip* dalam konteks komunikasi masyarakat pada hari ini lebih difahami sebagai alatan mencedok dan menggembur nasi atau makanan lain. Malah, bahagian Bahasa Sukuan v2.0 PRPM menjelaskan *sudip* turut digunakan oleh suku kaum Melanau Dalat dan Kedayan. Kamus Thai Melayu Dewan juga turut mengaitkan *sudip* dengan nasi. Penggunaan leksikon yang berbeza maksudnya dapat dikaitkan dengan Aspek Corak Wacana dan Budaya menerusi Prinsip Bahasa, Kognisi dan Budaya (Teori Sociolinguistik Holmes, 2013). Menurut Holmes (2001), perbezaan budaya antara corak wacana dalam sesebuah masyarakat boleh memberi kesan serius sehingga menjadi penyebab kepada berlakunya salah faham dalam proses interaksi dan komunikasi. Namun, menerusi barisan ayat dalam teks manuskrip (*rujuk lampiran*), pengarang berjaya membawa masyarakat untuk mengenal pasti maksud sebenar sesebuah leksikon, iaitu menerusi gaya dan corak penulisannya yang tersendiri biarpun leksikon tersebut mempunyai maksud yang pelbagai. Maka, penyebaran dan pencerahan ilmu baharu menerusi leksikon berunsurkan sosiobudaya ini dilihat mampu memberi kesan pembelajaran yang positif kepada sesebuah masyarakat terutamanya ketika menjalani proses komunikasi lisan dan juga tulisan dalam kehidupan seharian.

Organisasi, Adat, Aktiviti dan Konsep berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988)

**Jadual 4: Leksikon berunsur Organisasi, Adat, Aktiviti dan Konsep berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad***

Bil	Leksikon	Hlmn.	Petikan Teks & Maksud
1.	Tempawan تمفوان	7	<p><i>Baiduri emas tempawan</i>ku, merawan hati tiada dia jemu tentang dengan mata bonda.</p> <p><b>Pusat Rujukan Persuratan Melayu@DBP</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- i- Emas yang ditempa (yang baik)</li> <li>- ii- Puji-pujian kepada wanita yang cantik parasnya.</li> </ul> <p><b>Glosari Perpustakaan Negara Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada dalam senarai</li> </ul> <p><b>Kamus Jawi-Melayu-Inggeris (A Classic Jawi-Malay-English Dictionary)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hammered, beaten</li> <li>- Dibelasah; dipukul</li> </ul>

Seterusnya, kajian diteruskan dengan kupasan mengenai leksikon berunsur organisasi, adat, aktiviti dan konsep berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988), yang terdapat dalam teks manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad*, iaitu *tempawan*. *Tempawan* merupakan antara leksikon berunsur sosiobudaya dalam kategori ini yang terdapat dalam

manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad*. *Tempawan* dapat dipertalikan dengan Aspek Bahasa Seksis menerusi Prinsip Jantina, Kesantunan dan Stereotaip (Teori Sociolinguistik Holmes, 2013). Aspek Bahasa Seksis dijelaskan oleh Holmes (2001) sebagai steriotaip berkenaan seseorang berdasarkan kepada aspek jantina dan bukannya terhadap kaum lelaki dan wanita. Hal ini merangkumi ekspresi positif dan negatif bagi wanita dan juga lelaki. Penerapan *tempawan* dalam teks di atas memperlihatkan pengarang menggabungkan ciri yang berkaitan dengan wanita, iaitu *tempawan* dan *bonda*. Ayat di atas menceritakan kisah anak yang tidak bosan melihat wajah ibunya sehingga menyamakannya dengan *tempawan*. Gabungan sebuah deretan leksikon, iaitu *baiduri emas tempawan* yang mempertalikan *emas* dengan *tempawan* dilihat sebagai satu pemilihan penerapan leksikon yang tepat. Keadaan ini memperlihatkan sisi positif bukan sahaja ada pada kaum lelaki malah kaum wanita yang dijulang tinggi kerana peribadi dalaman dan luaran yang mengagumkan sehingga dihormati oleh orang sekeliling juga mencerminkan sisi positif. Maka, kehadiran unsur positif tersebut dapat menggambarkan bahawa bidang sociolinguistik, iaitu pertuturan, tingkah laku dan sikap saling mempengaruhi antara satu sama lain termasuklah dapat dikaitkan dengan konteks dan situasi sekeliling. Jelas, leksikon yang digunakan dalam teks di atas juga menjadi bahasa seksis yang mengekspresikan steriotaip positif dalam kalangan kaum lelaki serta kaum wanita.

**Jadual 5: Leksikon berunsur Gerak Laku dan Tabiat berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988) dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad***

Bil	Leksikon	Hlmn.	Petikan Teks & Maksud
1.	Tungkul تو □ كؤل	14	<p>“<i>Ya anakku, tinggallah di sini hendak belajar mengaji dan baik-baik dan anakku jangan ketungkulan bermain-main sahaja</i>”.</p> <p><b>Pusat Rujukan Persuratan Melayu@DBP</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- i- Mengaku kalah, takluk, tunduk</li> <li>- ii- Tongkol</li> </ul> <p><b>Glosari Perpustakaan Negara Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tunduk; takluk</li> </ul> <p><b>Kamus Jawi-Melayu-Inggeris (A Classic Jawi-Malay-English Dictionary)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada dalam senarai</li> </ul>

Akhir sekali, leksikon yang akan dikupas ialah antara leksikon yang dikategorikan sebagai leksikon berunsur gerak laku dan tabiat berdasarkan Model Lima Kumpulan Unsur Budaya (Newmark, 1988). Antara leksikonnya ialah *tungkul*. *Tungkul* dalam senarai leksikon PRPM dijelaskan sebagai mengaku kalah, takluk, tunduk dan juga tongkol. Manakala menerusi senarai PRPM, *tungkul* dimaksudkan dengan tunduk dan takluk. Namun, *tungkul* tidak terdapat dalam Kamus Jawi-Melayu-Inggeris Wilkinson. *Tungkul* dalam konteks ayat di atas dapat dipertalikan dengan Aspek Kesantunan dan Bentuk menerusi Prinsip Fungsi Ucapan, Kesantunan dan

Komunikasi Silang-Budaya (Teori Sociolinguistik Holmes, 2013). Kesantunan yang dicerminkan oleh seseorang akan menghasilkan kesan yang positif kepada orang lain (Holmes, 2001). Aspek kesantunan dapat dilihat menerusi nasihat yang diberikan oleh Bonda kepada Ahmad dan Muhammad. *Tungkul* secara amnya difahami sebagai gerak laku yang lebih menjurus kepada gerak laku negatif, iaitu mengaku kalah. Namun, *tungkul* dalam konteks ayat di atas memperlihatkan mesej dan penyampaian berunsur nasihat dengan penerapan bersama leksikon yang tersuratnya bermaksud negatif. Maka, pertuturan secara santun yang melibatkan perasaan seseorang didapati terdapat dalam ayat dalam manuskrip seperti yang dilampirkan di atas, iaitu bagi tujuan menyampaikan mesej dan nasihat biarpun menggunakan leksikon yang secara umumnya bersifat negatif.

Ekspresi linguistik dalam sesebuah perhubungan sosial menerusi aspek kesantunan yang positif menjadi unsur solidariti yang sangat berorientasi. Hal ini selaras dengan pernyataan Noriati A. Rashid (2005) yang menjelaskan kesantunan sebagai penerapan kata-kata yang bersesuaian, tidak mendatangkan kecelaruan dan sentiasa menjaga air muka para pendengar. Gabungan gerak laku positif dengan ekspresi linguistik yang bersifat negatif didapati tidak mendatangkan kesan yang lari daripada landasan murni bahkan “berjalan secara bersama”. Holmes (2001) menegaskan bahawa berjaya atau gagal sesebuah proses komunikasi bukan bergantung kepada kebolehan seseorang dalam mengungkapkan sesuatu yang mempunyai makna dan betul berdasarkan konteks tatabahasa sahaja. Malah, turut meliputi kebolehan seseorang untuk mengenal pasti dan mengaplikasi nilai kesopanan yang baik ketika menjalani proses komunikasi.

## **PENUTUP**

Dapatan kajian memperlihatkan terdapat 37 leksikon berunsur sosiobudaya dalam manuskrip *Hikayat Ahmad Muhammad* yang wajar dijadikan sebagai data kajian. Terdapat 8 leksikon yang masih tiada dalam senarai rujukan PRPM, 6 leksikon yang belum tersenarai dalam senarai Glosari Perpustakaan Negara Malaysia serta 15 leksikon yang tidak terdapat dalam Kamus Jawi-Melayu-Inggeris Wilkinson. Hasil kajian mendapati terdapat jalinan hubungan yang kukuh antara leksikon berunsur sosiobudaya dengan keadaan latar kehidupan sesebuah masyarakat. Malah, leksikon yang masih belum terdapat dalam senarai rujukan utama juga boleh dipertimbang untuk disenaraikan bagi tujuan memperkaya bilangan leksikon Melayu serta meluaskan pengetahuan masyarakat mengenai leksikon Melayu yang keagungannya telah hadir sejak zaman dahulu.

## **RUJUKAN**

- Abdul Razak Abdul Karim. (1994). Manuskrip Surat Kebenaran Berniaga oleh Raja Aceh kepada Kapitan Inggeris 1601: Satu Analisis Linguistik. *Jurnal Filologi Melayu*, 3, 49-67.
- Abdul Razak Abdul Karim. (1996). Manuskrip Surat-surat Francis Light: Suatu Analisis Aspek Kosa. *Jurnal Filologi Melayu*, 5, 1-13.
- Ahmat Adam. (2010). Menjenguk Kembali Sejarah Melayu: Persoalan Resensi dan Tarikh Dalam Naskhah Krusenstern”. Dlm. *Prosiding Seminar Manuskrip Melayu Nusantara*. Alor Star,



- 27 Jun 2010 & Universiti Malaysia Sabah: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, 3 November 2010.
- Asmak Hj Ali & Fatimah Hj Salleh. (2013). Penulisan Manuskrip Melayu Islam: Satu Tinjauan Awal. Dlm. Prosiding *Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan*. IAIN Al-Raniry, Banda Aceh: Aceh, 228-237.
- Awang Sariyan. (?). Isu Sistem Bahasa dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Dilayari pada November 2017 di laman web [klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2622](http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2622)
- Amer Hudhaifah Hamzah. (2017). Manuskrip Melayu: Isu Kontemporari dan Lontaran Idea. *International Journal of West Asian Studies*, 9 (1), 25-38.
- De Vito, J. A.(1970). *Psychology of Speech and Language: An Introduction to Psycholinguistics*. New York: Random House.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Helwana Mohammad. (2007). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan Terhadap Manuskrip *Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani*, Prosiding dari *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islam*. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Malaysia.
- Harun Mat Piah. (2016, Okt 3). Ilmu Perkasihan Manuskrip Melayu. *Berita Harian*, 30.
- Hasrina Baharum. (2009). Syair Ibadat: Transliterasi Teks dan Analisis Kepengarangan. Tesis. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Holmes, J. (2001). *An Introduction to Sociolinguistics (Second Edition)*. Edinburgh: Person Education Limited.
- Holmes, J. (2013). *An Introduction to Sociolinguistics (Fourth Edition)*. Abingdon: Routledge.
- Mahayudin Yahya. (1996). Undang-undang Laut dan Perdagangan Negeri Kedah Abad Ke Tujuh Belas. Dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 24 (pp32-47). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Newmark, P. (1988). *Textbook of Translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Noriati A. Rashid. (2005). "Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu". *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 241-244.
- Nurhayati Rahman. (2008). Agama, Tradisi dan Kesenian dalam Manuskrip *La Galigo*. *Sari*, 26 (14), 213-220.
- Rais Yatim. (2017, 30 Mac). Cabaran dan Masa Depan Bahasa Melayu. Dilayari pada 10 Disember 2017 di laman web <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/cabaran-dan-masa-depan-bahasa-melayu-1.463536>
- Shaharir Mohamad Zain. (2012). Sains Kelestarian Mengikut Perspektif Melayu Pra-Islam dan Melayu Islam. *Akademika*, 82 (2), 101-108.
- Siti Fathimah Abdul Halim. (2014). Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan Peranan dalam Pengurusan Manuskrip Melayu. Sarjana Usuluddin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid. (2014). Bahasa Melayu baku, bahasa ilmu dan perpaduan. Dilayari pada 10 Disember 2017 di laman web [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140128/re\\_02/Bahasa-Melayu-baku-bahasa-ilmu-dan-perpaduan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140128/re_02/Bahasa-Melayu-baku-bahasa-ilmu-dan-perpaduan)

